

PM akan sampai amanat penting

KUALA LUMPUR, Selasa.— Datuk Hussein Onn dijangka menyampaikan amanat penting dan terakhir selaku Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional sewaktu mem-pengerushtkan Mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi BN di

kediamannya Seri Tamam, petang esok.

Bellau dijangka menyampaikan amanat itu sebelum meletakkan jawatan secara rasmi sebagai Pengerusi BN dan mencadangkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengerusi barumenggantikannya.

Sumber-sumber ter-tinggi Barisan Nasional memberitahu, Datuk Hussein dijangka meminta pemimpin-pemimpin parti kom-ponen Barisan Nasional memberi sokongan bulat kepada bakal penggantinya, Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bellau juga akan meminta parti-parti komponen dan pemimpin mereka mem-perkukuhkan kerjasama dan sokongan antara satu sama lain demi kepentingan rakyat dan negara lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya umum yang semakin hampir.

Mesyuarat itu juga akan meluluskan satu usul terima kasih kepada Datuk Hussein di atas kepimpinan, jasa dan pengorbanan bellau kepada negara dan parti pemerintah Barisan Nasional.

Sebagai tanda penghargaan dan ucapan selamat berpisah dan bersara, Datuk Hussein dijangka dihadiahkan satu set cawan cantik yang diperbuat dari perak.

Kesemua pemimpin parti komponen -- UMNO, MCA, MIC, PBB (Sarawak), GERAKAN, BERJAYA, SUPP, PPP, USNO, SNAP dan BERJASA dijangka menghadiri sidang bersejarah itu.

Datuk Hussein memegang jawatan Pengerusi Barisan Nasional sejak lebih lima tahun dulu bagi menggantikannya bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak yang meninggal dunia, Januari 1976.

Bakal penggantinya, Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka menerima mandat penuh dari parti-parti komponen Barisan Nasional untuk terus memerintah negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri, Khamis ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia